

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003**

**Februari/Mac 2003**

**RPK 323 – Perancangan dan Pembangunan Pelancongan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**BAHAGIAN A**

Sila jawab **SEMUA** soalan. (30 markah)

1. Kerektor seorang pelancong Allosentrik adalah:
  - A. Gemar tempat seperti Disneyland Paris
  - B. Suka melancong secara berkumpulan
  - C. Akan tinggal lama di sesebuah destinasi
  - D. Sering perlukan pemandu pelancong
2. Faktor-faktor berikut telah menyumbang kepada kejatuhan bilangan pelancong ke Malaysia antara tahun 1996 hingga 1998, **KECUALI**
  - A. Jerebu
  - B. Kejatuhan nilai matawang Ringgit berbanding Dollar
  - C. Krisis politik
  - D. Jangkitan Coxsackie
3. Antara aktiviti pelancongan yang giat dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada masa ini adalah:
  - I. Memperkenalkan Tahun Melawat Negeri
  - II. Menganjurkan Rumah Terbuka
  - III. Menganjurkan Karnival Membeli-belah
  - IV. Menganjurkan Karnival Air
  - A. II, III, IV
  - B. I, II, III
  - C. I, II, IV
  - D. I, II, III, IV

... 2/-

- 2 -

4. Kenyataan berikut adalah **TIDAK BENAR** mengenai imej:-  
  - A. Malaysia pernah dipromosikan sebagai sebuah negara bersih tetapi tidak berjaya
  - B. Imej Sogokan diperolehi dari risalah dan majalah
  - C. Imej yang berjaya mesti selalu lembut dan mesra
  - D. Satu punca imej Malaysia di Jepun kabur adalah kerana imej Malaysia agak sama dengan negara-negara jiran lainnya
  
5. Golongan ini boleh dikelaskan sebagai ‘Pelancong’:-  
  - I. Pelajar USM yang pergi ke Gua Kelam dan bermalam di Taman Negeri Perlis
  - II. Rakyat Bangladesh yang menunaikan Haji di Mekah
  - III. Rombongan dari Britain yang terkandas secara tidak sengaja selama sehari setengah di Terminal Satu, Subang
  - IV. Warga Jepun yang datang ke Pulau Pinang dan bekerja di Syarikat Matsushita
  - A. I, II, III
  - B. I, II, IV
  - C. II, III, IV
  - D. I, II, III, IV
  
6. Pembangunan sesebuah pusat peranginan dan rekreatif memerlukan **KAJIAN UTAMA** komponen-komponen berikut:  
  - I Alam Sekitar dan Tumbuh-tumbuhan
  - II Kajian Impak Lalulintas
  - III Kajian Kependudukan
  - IV Kajian Pemasaran
  - A. I dan II
  - B. II dan IV
  - C. I dan IV
  - D. I, II, III dan IV
  
7. Kenyataan yang mana satukah di antara berikut yang **TIDAK TEPAT** mengenai Pengangkutan?  
  - A. Perjalanan mempunyai kos tersembuni yang tidak jelas
  - B. Kemudahan lapangan terbang Antarabangsa boleh membantu membuka destinasi kepada pasaran Antarabangsa
  - C. Kos Pengangkutan sebenarnya tidak mempengaruhi pemilihan pelancong terhadap sesebuah destinasi
  - D. Pelancong Jepun gemar memilih lokasi yang mereka anggap dekat, mudah, dan murah

... 3/-

- 3 -

8. 'Klustering' merupakan prinsip penting pembangunan resort. Prinsip ini mempunyai kelebihan-kelebihan seperti:-
  - I. Menjimatkan kos
  - II. Memudahkan Pengurusan
  - III. Meningkatkan kemudahsampaian
  - IV. Menjimatkan penggunaan ruang
  - A. I, II, III
  - B. I, II, IV
  - C. I, III, IV
  - D. I, II, III, IV
9. Berikan kombinasi yang paling sesuai.
  - A. Hotel 5 Bintang – RM 500 – 40 Bilik – Menginap 5 hari
  - B. Pulau Tioman – RM 30 – 200 Bilik – Menginap 2 hari
  - C. Taman Negara – RM 40 – 50 Bilik – Menginap 5 hari
  - D. Bukit Larut Taiping – RM 100 - 80 Bilik – Menginap 15 hari
10. Contoh terbaik 'Penglibatan' yang boleh meningkatkan kualiti produk Pelancongan dapat diperhatikan:-
  - A. Menyaksikan penduduk-penduduk berjual beli di Pasar Air di Thailand
  - B. Pelancong Thai menari apabila mendengar musik tradisional dimainkan di Makam Mahsuri
  - C. Melihat gadis-gadis menjunjung buah-buahan menuju ke kuil di Bali
  - D. Resort di Surabaya membentarkan penduduk setempat menyaksikan aktiviti kebudayaan yang mereka anjurkan
11. 'Pelancong Kritikal' adalah:-
  - A. Pelancong yang suka melawat kawasan yang mencapai tahap kemampuan menampung yang amat kritikal
  - B. Pelancong yang berada dalam keadaan yang kritikal selepas terlibat dalam satu kemalangan
  - C. Pelancong yang gemar mengkritik produk dan aktiviti Pelancongan yang disediakan untuk mereka
  - D. Pelancong yang cerewet dan prihatin terhadap sejahteran produk yang ditawarkan kepada mereka benar-benar mampan


- 4 -

12. Kenyataan manakah yang **TIDAK TEPAT**?
- A. Pengurusan hutan hanya layak dilakukan oleh Jabatan Hutan sahaja.
  - B. Kebanyakan kawasan hutan dijadikan taman rekreasi terkawal.
  - C. Kemudahan Infrastruktur yang minimum perlu disediakan dalam kawasan hutan simpan.
  - D. Pengunjung boleh menggunakan Hutan Simpan sebagai sumber Rekreasi.
13. Di dalam pengurusan hotel atau pusat peranginan, salah satu bahagian berikut akan memberi gambaran pertama oleh penginap terhadap hotel:-
- A. Bahagian Penyelenggaraan
  - B. Bahagian Kewangan
  - C. Bahagian Front Desk
  - D. Bahagian Pengangkutan.
14. Struktur korporat dan konsep operasi sesebuah hotel atau resort itu boleh dilaksanakan mengikut kaedah berikut , **KECUALI**
- A. Satu Syarikat Miliki Beberapa buah Hotel
  - B. Perjanjian Pengurusan Antara Syarikat Induk dengan Anak Syarikat
  - C. Perjanjian Pajakan Antara Syarikat Induk dengan Anak Syarikat
  - D. Anak Syarikat Menguasai Pengurusan Syarikat Induk.
15. Berikan penyesuaian yang **TIDAK TEPAT**.
- A. Ampang Jajar – Majlis Perbandaran Seberang Perai
  - B. Taman Negeri Perlis – Jabatan Perhutanan Perlis.
  - C. Pulau Perhentian – Pantai Malaysia Barat
  - D. Unit Taman dan Rekreasi – Pihak Berkuasa Tempatan
16. Yang mana satukah antara berikut **BUKAN** produk Pelancongan warisan?
- A. The Great Sand Dunes di Amerika Syarikat
  - B. Petra, di Jordan
  - C. Piramid di Mesir
  - D. The Great Wall of China

...5/-

- 5 -

17. Mengapakah imej yang cuba dipromosikan oleh Hiroshima kurang berjaya?
- Jepun telahpun memiliki banyak bandar warisan yang lebih menarik dari Hiroshima
  - Kesedihan akibat pengguguran bom atom ke atas bandar itu bukan sesuatu yang diinginkan pelawat
  - Hiroshima tidak memiliki kuil dan istana besar seperti bandar-bandar lain
  - Hiroshima tidak terletak di laluan keretapi laju Shinkansen
18. Konsep Pelancongan Mampan **BUKAN** muncul kerana faktor ini.
- Gerakan hijau
  - Munculnya golongan pelancongan kritis
  - Tekanan dari pembangunan pelancongan di negara membangun
  - Kesedaran bahawa pelancongan konvensional banyak membawa kesan negatif
19. Indeks Gangguan Pelancong seperti di bawah diilhamkan oleh:



- Butler
- Plog
- Doxey
- Eminem


- 6 -

20. Kenyataan berikut adalah kurang tepat mengenai pelancong Jepun
- A. Mereka gemar tawar menawar
  - B. Mereka digelar ‘yellow cab’ di New York
  - C. Mereka sering digambarkan membawa kamera dan banyak mengambil gambar
  - D. Mereka kebanyakannya boleh digolongkan sebagai ‘mass travelers’
21. Faktor-faktor yang **TIDAK** mempengaruhi keputusan orang Jepun untuk melancong adalah:-
- A. Masa lapang semakin banyak dinikmati golongan bekerja
  - B. Harga tiket yang semakin murah
  - C. Pendapatan lebih semakin bertambah
  - D. Galakan supaya melancong oleh Pihak Kerajaan Jepun
22. Kenyataan berikut adalah tidak benar mengenai tempat-tempat berikut:-
- A. Bilangan pelancong yang mengunjungi Venice adalah lebih ramai dari penduduk tempatan
  - B. Rumah-rumah tradisional Jepun di Shirakawa Go terkenal dengan atapnya yang dipanggil Gassho
  - C. Penduduk-penduduk di Cacho Canyon dikatakan diculik oleh UFO
  - D. Penduduk di Tanah Lot, Indonesia, mengalu-alukan pembangunan sebuah mega resort di kawasan perkampungan mereka
23. Dalam istilah pelancongan, ‘Kolonialisma Baru’ bermaksud:-
- A. Kehadiran pelancong Barat yang menjadi pelancong di negara membangun dan dilayan sebagai seorang ‘Tuan’
  - B. Pelancong-pelancong asing yang tertumpu kepada sesuatu destinasi dan seterusnya membentuk koloni-koloni tertentu
  - C. Bangunan-bangunan kolonial yang baru muncul sebagai produk warisan yang dihargai
  - D. Sejenis fahaman baru yang menular hasil interaksi antara pelancong dengan tuan rumah

... 7/-

- 7 -

24. Meskipun terkenal sebagai sebuah kota warisan tradisional lama, namun dalam memilih rekabentuk stesen keretapinya, Kyoto telah memilih rekabentuk yang moden seperti di bawah. Pemilihan ini dibuat kerana:-



- A. Rekabentuk ini sebenarnya sesuai dengan persekitaran tradisional bandar ini
  - B. Campurtangan politik DiRaja Jepun
  - C. Penduduk Kyoto sudah bosan dianggap kolot dan terkebelakang
  - D. Tekanan dari dewan-dewan perniagaan di Kyoto
25. Sistem pelancongan melibatkan dua perkara utama iaitu:
- A. Pengangkutan dan penginapan
  - B. Imej dan keputusan melancong
  - C. Promosi dan pemasaran Pelancongan
  - D. Tempat asal dan destinasi pelancong
26. Kajian lampau mendapati penduduk selalunya bersikap negatif apabila,
- A. pembangunan masih di peringkat awal
  - B. pembangunan dijalankan berhampiran dengan kediaman mereka
  - C. pembangunan pelancongan dibuat secara kecil-kecilan
  - D. pembangunan selari dengan persekitaran tempat tinggal
27. Contoh faedah ekonomi sampingan (kedua) yang terhasil dari pelancongan adalah:-
- A. Kutipan tiket masuk ke A Farmosa
  - B. Penarik beca di Melaka menerima lebih ramai pelancong
  - C. Cukai yang dikutip pihak Kerajaan
  - D. Peluang kerja yang bertambah di hotel-hotel

- 8 -

28. Elemen-elemen penting yang terdapat di sektor bekalan Pelancongan adalah:-

- I. Pengangkutan
  - II. Penginapan
  - III. Promosi
  - IV. Tarikan
  - V. Maklumat
  - VI. Pengalaman
- A. I, II, III, IV
  - B. II, III, IV, V
  - C. I, III, IV, V
  - D. I, II, III, IV, V
  - E. Semua di atas

29. Salah satu berikut **BUKAN**nya prinsip pembangunan resort yang baik:-

- A. Mematuhi had menampung kawasan
- B. Menghimpunkan semua kemudahan di tengah-tengah
- C. Memelihara alam sekitar dan menjadi aestatik
- D. Mengutamakan penggunaan ekslusif ruang dan fasiliti resort hanya kepada tetamu

30. Tujuan konsep Pelancongan Mampan diperkenalkan **BUKAN**lah untuk:-

- A. Menjadikan Pelancongan sebagai satu-satunya punca pencarian penduduk
- B. Untuk mengekalkan karektor penduduk tempatan
- C. Untuk mengekalkan lanskap dan habitat
- D. Untuk mengekalkan industri pelancongan agar ia terus kekal & berdaya maju sepanjang masa

## BAHAGIAN B

Jawab **LIMA SOALAN** sahaja (**40 MARKAH**)

1. Pembangunan pusat-pusat peranginan dan Rekreasi---baik yang bertaraf sederhana, mahupun yang bertaraf antarabangsa---akan melalui beberapa proses pelaksanaan. Bincangkan proses pelaksanaan mengikut peringkat-peringkat berikut:-

- (a) Kriteria pemilihan tapak
- (b) Pengurusan pelaksanaan projek peranginan

(8 markah)

... 9/-

- 9 -

2. Anda adalah pengurus sebuah Taman Negara yang semakin popular dan semakin didatangi pelawat. Terangkan **EMPAT** strategi yang boleh digunakan untuk menghadkan bilangan pelancong ke Taman Negara tersebut?  
(8 markah)
  
3. Terangkan apakah yang dimaksudkan ‘Pelancongan Mampan’? Apakah benar Ecotourism adalah suatu konsep yang mampan?  
(8 markah)
  
4. Berikan contoh produk utama dan produk sampingan.  
(8 markah)
  
5. Bincangkan salah satu karektor yang mungkin terdapat di sesebuah destinasi yang boleh mempengaruhi sistem pelancongan.  
(8 markah)
  
6. Terangkan apa yang dimaksudkan sebagai Keupayaan Menampung Sosial dalam konteks pelancongan? Jelaskan, senario yang mungkin terjadi sekiranya Keupayaan Menampung Sosial telah dilampaui?  
(8 markah)
  
7. Huraikan secara ringkas pengurusan dan operasi harian sebuah pusat peranginan Pantai (beach resort) ataupun pusat rekreasi yang diuruskan oleh pihak kerajaan. Berikan satu contoh yang sesuai bagi pusat-pusat berkenaan.  
(8 markah)

### **BAHAGIAN C (WAJIB)**

Jawab **SEMUA** soalan.

8. Pada tahun 2002, dunia telah dikejutkan oleh tragedy pengeboman ke atas Pulau peranginan Bali di Indonesia. Banyak pihak telah menunding jari kepada kumpulan-kumpulan militant yang dianggap berada di belakang pengeboman ini. Bincangkan dari sudut teori pelancongan yang dapat menjelaskan scenario yang boleh membawa kepada bencana kemusnahan tersebut?  
(15 markah)
  
9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjadikan kawasan Pantai Acheh sebagai sebuah Taman Negeri. Anda telah dilantik sebagai perancangnya. Bincangkan **SECARA RINGKAS**, bagaimana anda **MERANCANG** untuk menjadikan Taman Negeri ini **SEBUAH PRODUK YANG CEMERLANG?**  
(15 markah)

